

Rujukan Kami : IPN/2/05/15 (15)

Tarikh : 22 Februari 2012

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan,

### TAWARAN PERUNTUKAN PENYELIDIKAN, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM).

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.


2. Adalah dimaklumkan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan menawarkan peruntukan penyelidikan kepada para akademik dan penyelidik di institusi pengajian tinggi awam Malaysia yang berminat menjalankan penyelidikan dalam bidang perakaunan sektor awam.

3. Untuk makluman Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr/Tuan/Puan, inisiatif tawaran peruntukan penyelidikan ini diambil khusus bagi membantu JANM membuat keputusan berkaitan dengan transformasi penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan daripada berasaskan tunai ubahsuai kepada berasaskan akruan, khususnya dalam bidang berkaitan dengan konsep perakaunan dana, polisi dan piawai perakaunan berasaskan akruan dan *change management* (Rujuk Lampiran).

4. Pemohon yang terdiri dari tenaga akademik dan penyelidik yang berminat bolehlah menghantar kertas cadangan penyelidikan yang dilampirkan bersekali dengan perincian projek (Jadual A), kumpulan penyelidikan (Jadual B) dan perincian kewangan (Jadual C) kepada pihak sekretariat menggunakan alamat berikut:

**Sekretariat Penyelidikan  
Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Kawalan Kualiti  
Jalan 2, Sg. Lang,  
45100 Sabak Bernam  
Selangor  
(u.p: Norizan Abdul Hamid)**

5. Tarikh tutup permohonan ialah pada **31 March 2012**. Pemohon yang berjaya akan dihubungi dalam tempoh satu bulan dari tarikh tutup permohonan. Jika terdapat sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi pegawai kami, Norizan Abdul Hamid (019-2705807) atau Dr. Shahril Baharim (019-3415811) untuk keterangan lanjut.



6. Perhatian dan segala kerjasama yang diberikan oleh Y. Bhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Ke Arah Perakaunan Akruan"***



**(NORREZAN BINTI NOORDIN)**  
Pengarah  
Institut Perakaunan Negara  
b.p Akauntan Negara Malaysia

## SENARAI EDARAN

1. Prof. Dato' Dr. Ishak Bin Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Pengurusan  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 Pulau Pinang
  
2. Prof. Dr. Mohd Shahwahid Bin Hj. Othman  
Dekan  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Serdang  
Selangor Darul Ehsan
  
3. Dr. Asmadi Bin Haris  
Dekan  
Fakulti Ekonomi Dan Muamalat  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
Negeri Sembilan
  
4. Prof. Dr. Normah Bt Hj. Omar  
Pengarah  
Accounting Research Institute (ARI)  
Tingkat 12, Menara SAAS  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan
  
5. Prof. Dr. Rozainun Bt Abd. Aziz  
Dekan  
Fakulti Perakaunan  
Tingkat 12, Menara SAAS  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan
  
6. Prof. Dr. Kamil Bin Md. Idris  
Dekan  
Pusat Pengajian Perakaunan  
Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok  
Kedah Darulaman

7. Prof. Dr. Amran Md Rasli  
Head  
Department Of Management  
Faculty of Management and Human Resource Development  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 Skudai  
Johor Darul Takzim
  
8. Prof. Madya Dr. Ahmad Shukri bin Yazid  
Dekan  
Fakulti Pengurusan Perniagaan & Perakaunan  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman
  
9. Prof. Dr. Khaliq bin Ahmad  
Dekan Kuliah Ekonomi & Sains Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
Jalan Gombak  
53100 Kuala Lumpur
  
10. Prof. Madya Dr. Ruhanita Maelah  
Pengerusi  
Pusat Pengajian Perakaunan  
Fakulti Ekonomi & Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan
  
11. Prof. Madya Che Ruhana Isa  
Dean  
Faculty of Business and Accountancy  
University of Malaya (UM)  
50603 Lembah Pantai  
Kuala Lumpur
  
12. Prof. Dr. Mohamed Dhalan bin Ibrahim  
Fakulti Keusahawanan & Perniagaan  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
Kampus Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim

13. Prof. Madya Dr. Arsiah bt Bahron  
Dekan  
Sekolah Perniagaan Ekonomi  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Jalan Universiti Malaysia Sabah  
88400 Kota Kinabalu  
Sabah
  
14. Prof. Dr. Abu Hassan Md Isa  
Ketua Jabatan Perakaunan dan Kewangan  
Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
Kota Samarahan  
93400 Kuching  
Sarawak
  
15. Prof. Madya Dr. Fauziah bt Hj. Abu Hassan  
Department of Accounting and Finance  
Faculty of Management and Economics  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
21030 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman

## 7.0 Hasil Penyelidikan

- i. Semua penyelidik mesti menyumbang sekurang-kurangnya dua penerbitan dalam *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*. Penerbitan dalam jurnal antarabangsa yang berindeks adalah digalakkan. Namun begitu, kredit/penghargaan harus dinyatakan dengan jelas kepada Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- ii. Semua penyelidik mesti menyiapkan dan menghantar laporan penuh projek penyelidikan dalam tempoh dua bulan selepas projek penyelidikan tamat. Sebanyak sepuluh naskah laporan penyelidikan perlu disediakan menggunakan format IPTA sedia ada, *per-lect binding* dan dalam bentuk monograf.

## 8.0 Hak Cipta

Harta intelek yang terbit dari projek penyelidikan adalah menjadi hak milik bersama di antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan penyelidik/IPTA.

## 9.0 Tarikh Tutup dan Keputusan Permohonan

Kertas cadangan penyelidikan hendaklah dihantar kepada sekretariat selewat-lewatnya pada 31 Mac 2012. Keputusan akan dimaklumkan dalam tempoh satu bulan selepas tarikh tutup permohonan. Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk tujuan pembentangan kertas cadangan.

## 10.0 Dokumen Perjanjian

Projek penyelidikan yang berjaya dipilih diwajibkan menandatangani dokumen perjanjian di antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan penyelidik/ IPTA.

## 11.0 Pembayaran Peruntukan

Pembayaran akan dibuat oleh Institut Perakaunan Negara, Jabatan Akauntan Negara Malaysia terus kepada akaun Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI) universiti masing-masing. Kaedah pembayaran dibuat berdasarkan kepada kemajuan peratusan projek penyelidikan.

Sebarang pertanyaan bolehlah diajukan kepada:

Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Kawalan Kualiti  
Institut Perakaunan Negara  
Jalan 2, Sungai Lang  
45100 Sabak Bernam  
Selangor

Untuk Perhatian : Dr. Shahril Baharim; Norizan Abdul Hamid  
Telefon: 019-3415811; 019-2705807

Faks: 03-32172121

e-mail: shahril.baharim@anm.gov.my; norizan.hamid@anm.gov.my

# Institut Perakaunan Negara Jabatan Akauntan Negara Malaysia

## Tawaran Peruntukan Penyelidikan Tarikh Tutup : 31 March 2012

### 1.0 Pendahuluan

Salah satu inisiatif yang terkandung di dalam Program Transformasi Kerajaan atau GTP ialah transformasi dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan daripada perakaunan berasaskan tunai kepada perakaunan berasaskan akrual. Transformasi ini akan menjelaskan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan dengan lebih baik dalam konteks pengurusan fiskal negara iaitu, pengurusan hasil dan perbelanjaan. Empat bidang keberhasilan utama telah dikenal pasti merangkumi pembangunan standard perakaunan Kerajaan Persekutuan, kajian semula terhadap akta-akta dan pekeliling kewangan yang berkaitan, keperluan pembangunan sistem perakaunan dan keperluan *change management* bagi membangunkan kepercayaan modal insan. Pencapaian empat bidang keberhasilan utama ini memerlukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) melakukan diagnosis yang menyeluruh ke atas sistem dan amalan perakaunan Kerajaan Persekutuan.

Proses melakukan diagnosis menyeluruh ini telah menimbulkan pelbagai persoalan yang memerlukan jawapan. Apakah standard perakaunan yang sesuai digunakan; apakah model *change management* yang boleh diadaptasi; apakah rekabentuk sistem maklumat perakaunan yang sesuai; setakat mana akta dan pekeliling kewangan harus dipinda; apakah elemen-elemen kewangan yang perlu dilaporkan dalam penyata kewangan; bagaimana untuk mengukur tahap pinjaman dan hutang kerajaan; bagaimana kerajaan perlu mengakaunkan elemen-elemen seperti aset yang mempunyai nilai sejarah dan warisan; peralatan ketenteraan; setakat mana perkhidmatan perakaunan bersedia mengharungi transformasi ini adalah contoh-contoh persoalan yang memerlukan jawapan. Inisiatif penyelidikan yang komprehensif mampu menjawab pelbagai persoalan ini dan pelbagai isu lain yang dibahasakan dalam amalan perakaunan dan kewangan sektor awam sama ada di Malaysia atau di luar negara.

### 2.0 Bidang Penyelidikan

Institut Perakaunan Negara (IPN) yang merupakan sebuah institusi di bawah JANM, memelawa para penyelidik dan ahli akademik dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk mengemukakan kertas cadangan projek penyelidikan yang dapat menyokong agenda strategik JANM dalam melakukan transformasi perakaunan sektor awam. Bidang keutamaan penyelidikan adalah seperti berikut:

#### i. Perakaunan Dana atau *Fund Accounting*

Kajian harus melihat kepada amalan konsep perakaunan dana ketika ini untuk kumpulan wang yang disatukan (Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan, Akaun Amanah

Disatukan) yang menggunakan asas tunai sama ada perlu disesuaikan/dipinda berdasarkan amalan perakaunan berasaskan akruan.

ii. **Polisi dan Standard Perakaunan Berasaskan Akruan Bagi Kerajaan Persekutuan.**

Kajian harus ditumpukan kepada peralihan amalan perakaunan berasaskan tunai kepada amalan perakaunan berasaskan akruan khususnya berkaitan dengan pengiktirafan aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan serta bagaimana ianya perlu dipersembahkan dalam penyata kewangan Kerajaan Persekutuan menggunakan asas akruan.

Berkaitan dengan keperluan pengiktirafan hasil Kerajaan berasaskan perakaunan akruan, contoh agensi-agensi Kerajaan yang boleh dijadikan sebagai kajian kes ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kastam Diraja Malaysia.

iii. **Change Management**

Kajian harus melihat kepada situasi semasa dan mengenalpasti apakah elemen-elemen perubahan yang harus dilakukan dan bagaimana ianya perlu diurus bagi memenuhi keperluan transformasi perakaunan akruan bagi semua agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan. Kajian ini boleh dilakukan dalam pelbagai konteks merangkumi pembangunan modal insan (kemahiran dan pengetahuan), pembangunan sistem maklumat perakaunan dan pemban- gunan organisasi (struktur dan operasi).

**3.0 Syarat Permohonan**

Tawaran ini terbuka kepada golongan penyelidik/akademik dari IPTA dengan syarat-syarat berikut:

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Mempunyai Ijazah Kedoktoran Falsafah (Ph.D) (Ketua Penyelidik).
- iii. Penyelidikan mesti mengikut bidang yang ditawarkan.
- iv. Hanya warganegara yang bertaraf pekerja tetap sahaja dibenarkan mengetahui penyelidikan.
- v. Tempoh projek penyelidikan tidak melebihi 6 bulan.
- vi. Jumlah maksimum peruntukan sebanyak RM 50,000.00 bagi satu bidang penyelidikan.
- vii. Peruntukan penyelidikan mestilah digunakan di dalam negara.
- viii. Setiap pemohon boleh menghantar lebih dari satu kertas cadangan. Namun begitu, satu kertas cadangan harus menumpukan kepada satu bidang penyelidikan sahaja.
- ix. Penilaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Penyelidikan Projek Perakaunan Akruan (JPPPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Keputusan JPPPA adalah muk tamad.

**4.0 Peraturan Permohonan**

Permohonan hendaklah dilampirkan bersama dokumen berikut:

- i. Kertas Cadangan Penyelidikan
- ii. Jadual A - Perincian Projek

- iii. Jadual B - Kumpulan Penyelidikan
- iv. Jadual C - Keperluan Perincian Kewangan

Ketua penyelidik perlu membuat pengisytiharan bahawa projek penyelidikan tersebut tidak dibiayai atau tidak berada di dalam pertimbangan untuk dibiayai oleh mana-mana dana pe nyelidikan. Jadual A,B dan C boleh dimuat turun daripada laman sesawang [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my) atau [www.ipn.gov.my](http://www.ipn.gov.my).

**5.0 Kriteria Penilaian Kertas Cadangan Penyelidikan**

Penilaian akan dibuat oleh Jawatankuasa Penyelidikan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i. Penyelidikan yang dapat membantu Kerajaan membuat keputusan tentang kesesuaian konsep perakaunan dana dalam persekitaran perakaunan akruan.
- ii. Penyelidikan yang dapat membantu Kerajaan membuat keputusan berkaitan de- ngan pengiktirafan aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan kerajaan serta bagaimana ianya perlu dipersembahkan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.
- iii. Penyelidikan yang dapat membantu Kerajaan membuat keputusan berhubung dengan perubahan yang perlu dilakukan, khususnya dalam konteks pembangu- nan modal insan (kemahiran dan pengetahuan), pembangunan sistem maklumat perakaunan dan pembangunan organisasi (struktur dan operasi), serta bagaimana ianya perlu diurus bagi memenuhi keperluan transformasi perakaunan akruan.

**6.0 Peraturan Kewangan**

Peruntukan penyelidikan hanya membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan berikut:

- i. Upah Upah/elaun untuk pembantu penyelidik. Kadarnya berpandukan kepada garis panduan IPTA/IPTS masing-masing.
- ii. Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan Perbelanjaan perjalanan dan pengangkutan bagi perjalanan dalam negara sahaja dan berkaitan dengan projek penyelidikan.
- iii. Perhubungan Perbelanjaan telefon dan kemudahan internet bagi tujuan penyelidikan.
- iv. Bekalan alatulis dan bahan-bahan penyelidikan. Hanya bekalan alat tulis asas dan bahan-bahan bercetak berkaitan penyelidikan sahaja dibenarkan.
- v. Perkhidmatan iktikisas Perbelanjaan ini meliputi percetakan, perkhidmatan professional, honorarium dan perkhidmatan lain berkaitan penyelidikan.

## JADUAL A – PERINCIAN PROJEK

<b>A</b>	<b>MAKLUMAT TERPERINCI PROJEK/ DETAILS OF PROJECT</b>
(i)	<b>Tajuk Penyelidikan Yang Dicapangkan :</b> <i>Title Of Proposed Research :</i>
(ii)	<b>Tarikh Diluluskan:</b> <i>Date Of Approval:</i>
(iii)	<b>Tempoh Projek:</b> <i>Project Duration:</i>
(iv)	<b>Tarikh Projek Dimulakan:</b> <i>Date Of Commencement:</i>
(v)	<b>Anggaran Tempoh Siap:</b> <i>Expected Completion Period:</i>
(vi)	<b>Peruntukan Penyelidikan Yang Diluluskan:</b> <i>Total Grant Approved:</i>
<b>B</b>	<b>SKOP PROJEK/ SCOPE OF PROJECT</b>
(i)	<b>Ringkasan Projek</b> <i>Project Summary</i>
	<b>a) Objektif /Objectives :</b>
	<b>b) Kaedah /Methodology :</b>



**JADUAL A – PERINCIAN PROJEK**

**c) Carta Perbatuan Projek Seperti Di Bawah:**  
*Project Milestone As Listed Below:*

**Carta Perbatuan Projek /Project Milestone**

<b>No</b>	<b>Nama Carta Perbatuan/ Milestone Name</b>	<b>Tarikh Perlu Disiapkan/ Date To Be Completed</b>
1.	<b>Persediaan Awal</b> <i>Initial Preparation</i>	
2.	<b>Sorotan Literatur</b> <i>Literature Review</i>	
3.	<b>Kerja Lapangan/Kerja Makmal</b> <i>Fieldwork/Labwork</i>	
4.	<b>Pengendalian Data/Analisis Data</b> <i>Data Organization/Data Analysis</i>	
5.	<b>Penyerahan Laporan /Submission Of Report</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan Kemajuan Pertama/<i>First Progress Report</i></li> <li>- Laporan Kemajuan Kedua/<i>Second Progress Report</i></li> <li>- Laporan Akhir/<i>Final Report</i></li> </ul>	

## JADUAL B – KUMPULAN PENYELIDIKAN

KUMPULAN PENYELIDIK GROUP OF RESEARCHERS									
<b>A</b>	<b>KETUA PROJEK / PROJECT LEADER</b>								
<b>(i)</b>	<table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 60%; border: none;"> <b>Nama Ketua Projek:</b>  <i>Name Of Project Leader :</i> </td> <td style="width: 40%; border: none;"> <b>No. Kad Pengenalan :</b>  <i>Identity Card No. :</i> </td> </tr> </table>	<b>Nama Ketua Projek:</b> <i>Name Of Project Leader :</i>	<b>No. Kad Pengenalan :</b> <i>Identity Card No. :</i>						
<b>Nama Ketua Projek:</b> <i>Name Of Project Leader :</i>	<b>No. Kad Pengenalan :</b> <i>Identity Card No. :</i>								
<b>(ii)</b>	<p><i>Jawatan (Sila Tanda) :</i>  <b>Position (Please Tick) :</b></p> <table style="width: 100%; border: none; text-align: center;"> <tr> <td style="width: 25%;"><input type="checkbox"/></td> <td style="width: 25%;"><input type="checkbox"/></td> <td style="width: 25%;"><input type="checkbox"/></td> <td style="width: 25%;"><input type="checkbox"/></td> </tr> <tr> <td><b>Profesor</b> <i>Professor</i></td> <td><b>Prof. Madya</b> <i>Associate Professor</i></td> <td><b>Pensyarah</b> <i>Lecturer</i></td> <td><b>Lain – Lain (Sila Nyatakan)</b> <i>Others (Please Specify)</i> _____</td> </tr> </table>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<b>Profesor</b> <i>Professor</i>	<b>Prof. Madya</b> <i>Associate Professor</i>	<b>Pensyarah</b> <i>Lecturer</i>	<b>Lain – Lain (Sila Nyatakan)</b> <i>Others (Please Specify)</i> _____
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>						
<b>Profesor</b> <i>Professor</i>	<b>Prof. Madya</b> <i>Associate Professor</i>	<b>Pensyarah</b> <i>Lecturer</i>	<b>Lain – Lain (Sila Nyatakan)</b> <i>Others (Please Specify)</i> _____						
<b>(iii)</b>	<b>Fakulti / Jabatan / Pusat / Unit (Sila Nyatakan Alamat Penuh) :</b> <i>Faculty / School / Centre / Unit (Please Provide Full Address) :</i>								
<b>(iv)</b>	<table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 60%; border: none;"> <b>No. Telefon Pejabat :</b>  <i>Office Telephone No :</i> </td> <td style="width: 40%; border: none;"> <b>No. Telefon Bimbit :</b>  <i>Handphone No:</i> </td> </tr> </table>	<b>No. Telefon Pejabat :</b> <i>Office Telephone No :</i>	<b>No. Telefon Bimbit :</b> <i>Handphone No:</i>						
<b>No. Telefon Pejabat :</b> <i>Office Telephone No :</i>	<b>No. Telefon Bimbit :</b> <i>Handphone No:</i>								
<b>(v)</b>	<b>Alamat E-Mel:</b> <i>Email Address:</i>								
<b>(vi)</b>	<b>Tarikh Mula Berkhidmat Dengan Universiti Ini :</b> <i>Date Of First Appointment With This University :</i>								

**JADUAL B – KUMPULAN PENYELIDIKAN**

<b>(vii)</b>	<p><b>Jenis Perkhidmatan (Sila Tandakan) :</b>  <i>Type Of Service (Please Tick) :</i></p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: flex-start; margin-top: 10px;"> <div style="text-align: center;"> <input style="width: 40px; height: 20px; border: 1px solid black;" type="checkbox"/>  <b>Tetap :</b>  <i>Permanent :</i> </div> <div style="text-align: center;"> <input style="width: 40px; height: 20px; border: 1px solid black;" type="checkbox"/>  <b>Kontrak (Nyatakan Tarikh Tamat Kontrak)</b>  <i>Contract (State Contract Expiry Date) :</i>  <hr style="width: 30%; margin: 5px auto;"/> </div> </div>
--------------	---

<b>B (i)</b>	<p><b>AHLI-AHLI PENYELIDIK YANG LAIN :</b>  <i>OTHER RESEARCHERS :</i></p>				
	<b>Bil</b>	<b>Nama</b> <i>Name</i>	<b>No. KP</b> <i>IC NO.</i>	<b>Fakulti /</b> <b>P. Pengajian / Pusat</b> <b>/ Unit</b> <i>Faculty / School /</i> <i>Centre / Unit</i>	<b>Tahap Kelayakan</b> <b>Akademik &amp; Jawatan</b> <i>Academic Qualification</i> <i>&amp; Designation</i>
	1				
	2				
	3				

**JADUAL C- KEPERLUAN PERINCIAN KEWANGAN**

PERINCIAN KEWANGAN						
<b>A</b>	<p><b>Sila nyatakan anggaran bajet bagi cadangan penyelidikan ini dan berikan butir-butir perbelanjaan lengkap dengan berpandukan kepada garis panduan yang dilampirkan. Please indicate your estimated budget for this research and details of expenditure according to the guidelines attached.</b></p>					
	Butiran Belanjawan <i>Budget Details</i>	Jumlah Yang Dipohon Oleh Pemohon <i>Amount Requested By Applicant</i>			Jumlah Yang Diluluskan Oleh Jawatankuasa Penyelidikan <i>Amount Approved By Research Committee</i>	Komen <i>Comments</i>
		6 Bulan Pertama (RM)	6 Bulan Kedua (RM)	6 Bulan Ketiga (RM)		
(i)	<p><b>Upah Wages</b></p> <p>Sila nyatakan secara lengkap dengan pecahannya sekali.</p>					
(ii)	<p><b>Perbelanjaan Perjalanan dan Pengangkutan <i>Travelling Expenses and Transportation</i></b></p> <p>Sila nyatakan secara lengkap dengan pecahannya sekali</p>					

**JADUAL C- KEPERLUAN PERINCIAN KEWANGAN**

	Butiran Belanjawan <i>Budget Details</i>	Jumlah Yang Dipohon Oleh Pemohon <i>Amount Requested By Applicant</i>			Jumlah Yang Diluluskan Oleh Jawatankuasa Penyelidikan <i>Amount Approved By Research Committee</i>	Komen <i>Comments</i>
		6 Bulan Pertama (RM)	6 Bulan Kedua (RM)	6 Bulan Ketiga (RM)		
(iii)	<p><b>Perhubungan (Telefon, Faks,Internet, Pos DII)</b> <i>Communication (Phone, Fax, Internet, Postage Etc)</i></p> <p>Sila nyatakan secara lengkap dengan pecahannya sekali</p>					
(iv)	<p><b>Bekalan &amp; Bahan- Bahan Penyelidikan</b> <i>Research Meterials &amp; Supplies</i></p> <p>Sila nyatakan secara lengkap dengan pecahannya sekali</p>					

**JADUAL C- KEPERLUAN PERINCIAN KEWANGAN**

	Butiran Belanjawan <i>Budget Details</i>	Jumlah Yang Dipohon Oleh Pemohon <i>Amount Requested By Applicant</i>			Jumlah Yang Diluluskan Oleh Jawatankuasa Penyelidikan <i>Amount Approved By Research Committee</i>	Komen <i>Comments</i>
		6 Bulan Pertama (RM)	6 Bulan Kedua (RM)	6 Bulan Ketiga (RM)		
(v)	<p><b>Perkhidmatan Ihktisas (Percetakan, Perkhidmatan Profesional, Honorarium DII)</b></p> <p><i>Professional Services, Other Services Including Printing , Honorarium &amp; Etc)</i></p> <p>Sila nyatakan secara lengkap dengan pecahannya sekali</p>					
	<b>JUMLAH BESAR TOTAL AMOUNT</b>					